

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA INDUK ‘LOCAL AGENDA 21’ DAN PEMBANGUNAN MAMPAH,**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**  
**BIL.2/2016**

---

Tarikh : **20 Julai 2016 (Rabu)**

Masa : **3.30 petang**

Tempat : **Bilik Mesyuarat Semarak,  
Majlis Perbandaran Sepang,  
Cyberjaya**

**KEHADIRAN**

1. Tuan Muhammad Hafiz bin Shaari - Pengerusi  
Timbalan Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Sepang
2. Encik Azmi bin Saonan  
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /  
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Pinggiran Putra
3. Encik Gun Chee Hui  
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /  
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Kota Warisan
4. Puan Suziana binti Musa  
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /  
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Sepang Putra
5. Encik Mohd. Jamalulail bin Hamzah  
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /  
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Labu
6. Encik Radzali bin Kassim,  
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /  
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Sungai Merab
7. Encik Hazrey Tomyang,  
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)
8. Encik Mohd Halim bin Sahri,  
Pejabat Pendidikan Daerah Sepang

9. Encik Mohd Samsuri bin Ismail  
Pejabat Pendidikan Daerah Sepang
10. Puan Suzianna binti Othman,  
Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Sepang
11. Mohd Azmir,  
Pejabat Daerah dan Tanah Sepang
12. Encik Steve Anthony Lojuntin,  
Sustainable Energy Development Authority (SEDA)
13. Encik Suhandi Irwan,  
Sustainable Energy Development Authority (SEDA)
14. Encik Mohd Shah Hambali,  
Sustainable Energy Development Authority (SEDA)
15. Encik Norhanida Abdullah,  
Sustainable Energy Development Authority (SEDA)
16. Puan Norfarhana binti Mohd Yusuf,  
Ibu Pejabat Green Tech Malaysia,
17. Puan Rozeta binti Md. Yusuf  
Jabatan Perancangan Bandar,  
Majlis Perbandaran Sepang
18. Encik Noor Halif bin Noorzan  
Jabatan Perlesenan & Pengurusan Penjaja,  
Majlis Perbandaran Sepang
19. Tuan Haji Ahmad Saifunazif bin Mat Yat  
Jabatan Kejuruteraan,  
Majlis Perbandaran Sepang
20. Encik Kuzaini bin Hamidon,  
Jabatan Kesihatan dan Persekitaran,  
Majlis Perbandaran Sepang
21. Encik Mohamad Firdaus bin Mohamad Marji  
Jabatan Pembangunan Masyarakat,  
Majlis Perbandaran Sepang

22. Puan Ruhaila binti Abdul Rahman  
Jabatan Landskap,  
Majlis Perbandaran Sepang
23. Haji Ahmad Tarmizi bin Ahmad  
Unit Pusat Setempat,  
Majlis Perbandaran Sepang
24. Encik Shahril bin Omar,  
Pesuruhjaya Bangunan,  
Majlis Perbandaran Sepang
25. Encik Mohd Fahmy bin Tumut,  
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta,  
Majlis Perbandaran Sepang
26. Puan Izzaty Arina binti Shabaruddin,  
Jabatan Kawalan Bangunan  
Majlis Perbandaran Sepang

#### **URUSETIA**

27. Encik Mohd. Adham bin Hj Mahmood  
Penolong Pengarah,  
Jabatan Perancangan Bandar,  
Majlis Perbandaran Sepang
28. Puan Nurulhuda binti Zainal Abidin - Pencatit Minit  
Penolong Pegawai Perancang Bandar,  
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang

## **1.0 UCAPAN ALU-ALUAN PENGERUSI**

YBhg Tuan pengerusi mengucapkan selamat sejahtera dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.

Mesyuarat Jawatankuasa Local Agenda 21 dan Pembangunan Mampan, Majlis Perbandaran Sepang perlu bersidang tiga (3) kali setahun. Tuan Pengerusi juga memaklumkan bahawa skop perbincangan di dalam mesyuarat ini juga telah dilebarluaskan kepada aspek pembangunan perbandaran hijau / teknologi hijau serta perbandaran pintar (smart city) dan ‘Low Carbon Cities’ selaras dengan hasrat Majlis untuk mengurangkan pelepasan GHG sebanyak 40 peratus menjelang tahun 2025.

## **2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK LOCAL AGENDA 21 DAN PEMBANGUNAN MAMPAN, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BIL.1/2016**

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Local Agenda 21 dan Pembangunan Mampan, Majlis Perbandaran Sepang Bil.1/2016 disahkan tanpa pindaan.

## **3.0 PERKARA BERBANGKIT**

### **3.1 Cadangan Pembinaan Kawasan Berbasikal Di Kota Warisan Oleh Kelab Basikal Lasak, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan**

Pihak syarikat telah dihubungi dan tidak dapat memberikan maklum balas berhubung pelaksanaan projek tersebut kerana masalah ‘cash flow’ atau aliran tunai.

**Tindakan :**  
Makluman

### **3.2 Cadangan Pemasangan Stesen Pengecas Kenderaan Elektrik Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang Oleh Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (Greentech Malaysia).**

Status pemasangan dan pelaksanaan adalah seperti berikut :

1. Pejabat Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya – siap
2. Masjid Raja Haji Fisabilillah, Cyberjaya – dalam proses
3. Cyberview Lodge Resort & Spa, Cyberjaya – siap
4. Bangunan Komersil Shaftbury, Cyberjaya – tarik diri
5. Mitsui Outlet Park KLIA Sepang – tarik diri, masalah pemendapan tanah
6. KLIA (Podium 1) – dalam proses

7. KLIA (Podium 2) – dalam proses
8. KLIA 2 – dalam proses
9. Bangunan Komersil IOI Mall, IOI Resort City – dalam proses
10. Sama-sama Hotel, KLIA – tiada ‘feedback’
11. Marriot Hotel, Sepang Utara - siap

**Tindakan :**  
Makluman

### 3.3 Cadangan Perlaksanaan "Electric Vehicle (EV) Car Sharing Programme" di kawasan Pentabiran Majlis Perbandaran Sepang Oleh COMOS @ CMS Consortium Ecotour Sdn Bhd

Pihak syarikat secara dasarnya bersetuju terhadap cadangan pihak Majlis dan memohon supaya 8 tapak yang dipersetujui untuk dijadikan tempoh percubaan selama 6 bulan bagi menilai keberkesanan program EV Car Sharing. 8 lokasi tapak yang dimaksudkan di Cyberjaya adalah seperti berikut :

- Prima Avenue (petak 38 dan 39)
- Glomac, bersebelahan ‘feeder pillar’ TNB (Petak 222 & 223)
- Universiti Limkokwing (LUCT) (Petak 27 & 28)
- Cottage Walk (Petak 18 & 19)

Mesyuarat memutuskan supaya segala kos-kos berkaitan penyediaan tempat letak kenderaan elektrik meliputi kerja-kerja ‘road marking’, papan tanda dan seumpamanya dibiayai oleh pihak syarikat.

**Tindakan :**  
COMOS @ CMS Consortium Ecotour Sdn Bhd  
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang  
Jabatan Perbendaharaan, MPSepang

## 4.0 PERKARA YANG DIBINCANGKAN

### 4.1 Kertas Kerja 1 : Cadangan Usahasama MPSepang dan SEDA Malaysia Bagi Program Low Carbon Building. Pilot Projek Cyberjaya

Cadangan ini boleh dibentangkan oleh *Encik Steve Anthony Lojuntin, Ketua, Unit Pengurusan Permintaan Tenaga, SEDA Malaysia*. Asas pertimbangan kepada permohonan ini adalah seperti berikut :

- i. Pihak MPSepang bersetuju dan bersedia untuk berkolaborasi dengan pihak SEDA dan bersetuju dengan terma yang ditetapkan oleh pihak kerajaan berhubung **Program Geran Audit Tenaga Bersyarat** untuk sektor bangunan komersil yang diurus oleh SEDA yang mana pembiayaan untuk kerja-kerja Audit Tenaga Bangunan dibiayai oleh

geran yang disediakan oleh pihak kerajaan, manakala perlaksanaan penjimatan tenaga berdasarkan cadangan daripada Audit tersebut akan dilaksanakan oleh pihak MPSepang dengan kos atau nilai yang sama bagi kos pembiayaan Audit Bangunan ;

- ii. Pihak Majlis bersetuju berhubung pemasangan produk berkaitan dengan '**online monitoring**' penggunaan tenaga bagi bangunan MPSepang ;
- iii. Pihak Majlis bersetuju terhadap cadangan **EPC (Energy Performance Contract)** bagi lampu jalan (street lighting) di Cyberjaya ;
- iv. Pihak Majlis akan menyemak semula senarai semak @ checklist bagi memasukkan keperluan maklumat elemen-elemen asas bangunan rendah tenaga yang selari dengan keperluan penilaian rendah karbon 'GreenPass' yang dicadangkan oleh SEDA bagi disyaratkan semasa kelulusan Pelan Bangunan di peringkat OSC ;
- v. Pihak Majlis bersetuju untuk melaksanakan **Skim Rebate Cukai (Teknologi Hijau) MPSepang** menggunakan kaedah penilaian pengurangan tenaga dan karbon 'GreenPass' khususnya kategori individu.
- vi. Pihak Majlis bersetuju untuk berkolaborasi dengan pihak SEDA bagi melaksanakan **Low Carbon MPSepang** khususnya program 'awareness' atau kesedaran awam dan juga meningkatkan pengetahuan teknikal melalui latihan dan lawatan dikalangan pegawai dan kakitangan MPSepang berkaitan low carbon energy efficient building dan LCCF secara keseluruhannya.
- vii. Pihak Majlis bersetuju terhadap cadangan pembangunan **CCM (Common Carbon Metric)** bagi pelbagai jenis topologi bangunan dengan mengambilkira kesesuaian format. Dengan kata lain, pihak Majlis bersetuju terhadap cadangan pelaksanaan '**Sustainable Low Carbon Building Assessment**' yang akan dibantu oleh pihak SEDA.

### **Keputusan Mesyuarat**

- a) Mesyuarat bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pihak SEDA dan perincian bagi setiap cadangan seperti di atas dan akan diperhalusi secara terperinci beserta dengan spesifikasi dan kos.

**Tindakan :**  
SEDA

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang  
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang

**4.2 Kertas Kerja 2 : Cadangan Program Eco-Dusun / Dusun Komuniti Di Garden Residence, Cyberjaya Anjuran Bersama MPSepang dan JMB Clover@Garden Residence**

Kertas ini dibentangkan oleh Puan Rozeta binti Md Yusuf, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang. Ringkasan cadangan tersebut adalah seperti berikut :

- i. Program tanam pokok yang bertemakan ‘Eco-Dusun’ dan memfokuskan kepada aspek alam sekitar ini akan diadakan pada 30 Julai 2016 di Clover@Garden Residence dengan kolaborasi bersama Majlis Perbandaran Sepang (Pihak Berkuasa Tempatan) Badan Pengurusan Bersama (JMB) Clover@Garden Residence (Penduduk) serta Mah Sing Group (Pemaju / Sektor swasta)
- ii. Lokasi penanaman pokok bagi Program Dusun Komuniti ini adalah di Dataran Clover@Garden Residence, Jalan Clover 1, Jalan Clover 2, Jalan Clover 7 dan Jalan Clover 8.
- iii. Jemputan bagi Dusun Komuniti ini dianggarkan seramai 230 orang yang terdiri daripada VIP, Ahli Majlis, penduduk Clover@Garden Residence, kakitangan MPSepang serta pihak pemaju serta media.
- iv. Sebanyak 1,500 pokok akan disumbangkan oleh Mah Sing Group dan aktiviti penanaman pokok ini akan dilaksanakan secara berperingkat.

**Keputusan Mesyuarat**

Mesyuarat secara dasar tiada halangan dan bersetuju terhadap program Eco-Dusun di Clover Garden Residence, Cyberjaya pada 30 Julai 2016 (Sabtu), bermula pada jam 9.00 pagi hingga 12.30 tengahari bersama-sama MPSepang, JMB Clover @ Garden Residence dan Mah Sing Group.

**Tindakan :**

Jabatan Perancangan Bandar  
Jabatan Landskap  
Unit Perkhidmatan Bandar  
Unit Korporat  
Zon JPP Cyberjaya  
JMB Clover Garden Residence  
Mah Sing Group

**4.3 Kertas Kerja 3 : Cadangan Program Karnival Komuniti Sepang 2016 Di Bawah Program Local Agenda 21, MPSepang Dengan Kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Sepang :**

- i. Pertandingan Rekacipta Barang Terpakai Di Peringkat Sekolah (Rendah & Menengah) Dan Institut Pengajian Tinggi (Awam & Swasta) Di Daerah Sepang.
- ii. Pertandingan Memasak (Menengah) Di Daerah Sepang
- iii. Pertandingan Paluan Kompang Dan Formasi (Menengah & Rendah) Di Daerah Sepang
- iv. Pertandingan Semarak Tari (Menengah & Rendah) Di Daerah Sepang

Kertas ini dibentangkan oleh Puan Rozeta binti Md Yusuf, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang. Cadangan permohonan ini adalah seperti berikut :

- i. Karnival Komuniti Sepang (KKS 2016) akan diadakan pada 3 September 2016 (Sabtu) dan antara pengisian program adalah pertandingan acara yang tersebut di atas.
- ii. Pertandingan ini dijalankan dengan kerjasama MPSepang, Pejabat SUK Selangor dan Pejabat Pendidikan Daerah Sepang. Syarat-syarat pertandingan telah ditetapkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Sepang ;
- iii. Pertandingan Rekacipta Barang Terpakai:
  - Terbahagi kepada 3 kategori iaitu sekolah rendah, menengah dan IPT.
  - Hadiah berupa wang tunai RM 1,500.00 (pertama), RM 1,000.00 (kedua), RM 500.00 (ketiga) beserta hamper (semua sekolah) dan sijil penyertaan (setiap peserta).
- iv. Pertandingan Memasak Menu Ringkas:
  - Terbuka kepada sekolah menengah sahaja.
  - Hadiah berupa wang tunai RM 300.00 (pertama), RM 200.00 (kedua), RM 100.00 (ketiga) beserta hamper (semua sekolah) dan sijil penyertaan (setiap peserta).
- v. Pertandingan Paluan Kompang dan Formasi:
  - Terbahagi kepada 2 kategori iaitu sekolah rendah dan sekolah menengah.
  - Hadiah berupa wang tunai RM 300.00 (pertama), RM 200.00 (kedua), RM 100.00 (ketiga) beserta hamper (semua sekolah) dan sijil penyertaan (setiap peserta).

- vi. Pertandingan Semarak Tari:
- Terbahagi kepada 2 kategori iaitu sekolah rendah dan sekolah menengah.
  - Hadiah berupa wang tunai RM 300.00 (pertama), RM 200.00 (kedua), RM 100.00 (ketiga) beserta hamper (semua sekolah) dan sijil penyertaan (setiap peserta).

### **Keputusan Mesyuarat**

Mesyuarat memutuskan untuk membincangkan secara terperinci bagi pertandingan-pertandingan yang telah ditetapkan dan secara dasarnya tiada halangan terhadap kolaborasi antara MPSepang dan Pejabat Pendidikan Daerah bagi pengisian program / pertandingan tersebut semasa Karnival Komuniti Sepang (KKS 2016) yang akan diadakan pada 3 September 2016 di Mini Stadium Bandar Baru Salak Tinggi.

**Tindakan :**  
MPSepang  
Pejabat Pendidikan Daerah Sepang

- 4.4 **Kertas Kerja 4** : Cadangan Penyediaan ‘Blueprint @ Pelan Pembangunan Perbandaran Pintar dan Rendah Karbon Bagi Cyberjaya’ (Blueprint Of Smart & Low Carbon Cities For Cyberjaya 2025’ Untuk Majlis Perbandaran Sepang

Kertas ini dibentangkan oleh Puan Rozeta binti Md Yusuf, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang. Ringkasan maklumat bagi cadangan ini adalah seperti berikut :

- i. Objektif penyediaan ‘Blueprint’ / Kajian ini adalah seperti berikut :
  - a). Mengurangkan kadar peningkatan guna tenaga dan meningkatkan pembangunan ekonomi ;
  - b). Membantu pertumbuhan dalam Industri Teknologi Hijau dan meningkatkan sumbangan ekonomi Negara ;
  - c). Meningkatkan keupayaan bagi inovasi dalam pembangunan ‘Teknologi Hijau’ dan daya saing di peringkat antarabangsa ;
  - d). Memastikan pembangunan mampan dan memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang ;
  - e). Meningkatkan pendidikan dan kesedaran awam terhadap Teknologi Hijau dan menggalakkan penggunaan secara meluas.
- ii. Penyediaan Blueprint LCCF Cyberjaya ini akan memfokuskan kepada sektor seperti berikut :

- a). Building
- b). Energy
- c). Water & Solid Waste Management
- d). Information Technology @ IoT (Internet of Thing)
- e). Connectivity, Transportation & Infrastructure
- f). Community and user

### **Keputusan Mesyuarat**

Mesyuarat mengambil maklum cadangan penyediaan ‘Blueprint LCCF’ Cyberjaya untuk tempoh 2025 dan juga penumpuan kepada sektor-sektor yang akan diberikan keutamaan. Pihak Majlis secara dasarnya akan memantau penyediaan kajian ini melalui penubuhan Jawatankuasa Perbandaran Hijau Cyberjaya @ Blueprint LCCF bagi Cyberjaya.

#### **Tindakan :**

Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang  
Unit Tender & Kontrak, MPSepang

#### **4.5 Kertas Kerja 5 : Permohonan Rebat Cukai Taksiran Bagi Skim Teknologi Hijau, Majlis Perbandaran Sepang Bagi Tahun 2016 Untuk Bangunan The Place Properties Sdn Bhd, Cyberjaya**

Kertas ini dibentangkan oleh Puan Rozeta binti Md Yusuf, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang. Ringkasan maklumat bagi cadangan ini adalah seperti berikut :

- i. Kertas ini adalah bertujuan untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat untuk pengurangan rebat cukai taksiran bagi ‘Skim Teknologi Hijau, Majlis Perbandaran Sepang’. Skim ini merupakan rebat cukai taksiran kepada pemilik bangunan berstatus Hijau (GBI, LEEDS dll) di kawasan Pentadbiran MPSepang ;
- ii. Pihak Majlis telah mempelawa pihak pemaju terutama di kawasan Cyberjaya untuk menyertai ‘**Skim Teknologi Hijau**’. Bagi tahun 2015, pihak Majlis hanya menerima satu (1) permohonan iaitu daripada ‘**MYTELEHAUS SDN. BHD.**’ Manakala bagi tahun 2016, pihak Majlis telah menerima permohonan daripada The Place Properties Sdn Bhd.
- iii. Berdasarkan analisa daripada cukai taksiran semasa bagi Syarikat The Place Properties Sdn Bhd, rebat cukai taksiran bagi pemilik bangunan yang memohon skim ini adalah sebanyak **RM2,478** setahun

<b>Nama Pemaju/ Pemilik Bangunan</b>	<b>Nilai Tahunan (RM)</b>	<b>Kadar 8.4%</b>	<b>Rebat 5% (RM)</b>
The Place Properties Sdn Bhd	590,000.00	49,560.00	2,478.00

Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MPSepang

### **Keputusan Mesyuarat**

- a). Mesyuarat mengambil maklum terhadap permohonan oleh The Place Properties Sdn Bhd dan Bersetuju terhadap pemberian rebat cukai taksiran sebanyak lima (5) peratus kepada syarikat The Place Properties Sdn Bhd bagi pelaksanaan Skim Teknologi Hijau iaitu berjumlah RM2,478 ;
- b). Bersetuju terhadap pemberian rebat cukai taksiran selama setahun sahaja.

**Tindakan :**  
Majlis Perbandaran Sepang

## **5.0 PEMBENTANGAN OLEH JAWATANKUASA KERJA LOCAL AGENDA 21, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**

### **5.1 Jawatankuasa Kerja LA21 : Ekonomi Mampan**

Cadangan Usahasama MPSepang dan FAMA bagi Jualan Buah-Buahan Bermusim secara Berpusat.

Oleh : Encik Noor Halif Noor Zan

Pengarah, Jabatan Pelesenan dan pengurusan Penjaja, MPSepang

### **Keputusan Mesyuarat**

- a). Mesyuarat secara dasarnya bersetuju terhadap cadangan bagi jualan buah-buah bermusim sebagaimana yang diusulkan oleh Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja
- b). Tujuan utamanya adalah supaya aspek-aspek kebersihan dapat dikawal dan juga dapat meningkat nilai ekonomi peniaga melalui pengumpulan dan jualan buah-buahan bermusim di satu lokasi yang ditetapkan oleh Majlis.

**Tindakan :**  
Majlis Perbandaran Sepang

## **6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT**

Mesyuarat ditangguh pada jam 6.00 petang.